

Fenomena air pasang besar, hujan berterusan

# 93 mangsa dipindahkan

Oleh **AZHARUL NASARUDDIN**

pengarang@utusan.com.my

■ **BERUAS 20 SEPT.**

**F**ENOMENA air pasang besar menyebabkan 76 penduduk Kampung Bagan Pancor di Pantai Remis, dekat sini dan 17 penduduk di Teluk Intan dipindahkan ke pusat pemindahan setelah kediaman mereka dinaiki air hari ini.

Di Pantai Remis, mangsa yang dipindahkan terdiri daripada 39 lelaki dan 37 wanita daripada 15 buah keluarga.

Menurut jurucakap bomba negeri, setakat ini, satu pusat pemindahan dibuka di Dewan Orang Ramai Kampung Pancor setelah kawasan itu dinaiki air sedalam 1.2 meter pagi ini.

Seorang penduduk, Hamsin Utoh, 44, berkata, sejak pukul 4.30 pagi, air mulai naik dari muara sungai sehingga ke jalan raya di depan rumahnya disebabkan air pasang besar dan hujan tidak berhenti sejak pukul 12 tengah malam semalam.

"Saya bawa semua barang penting saja dan akibat air pasang besar semalam, saya rugi hampir RM15,000 selepas tiga buah motosikal saya ditenggelami air," katanya.

Di **TELUK INTAN**, seramai 17 penduduk terdiri daripada lima buah keluarga dipindahkan ke pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan Tapak Semenang dekat sini setelah rumah mereka dinaiki air akibat fenomena air pasang besar.

Mangsa merupakan penduduk dari Kampung Teluk Selendang



**SEORANG** penduduk mengangkat barang dari rumahnya yang dinaiki air akibat fenomena air pasang besar di Kampung Bagan Pancor dekat Pantai Remis, Beruas, Perak, semalam.

Kiri, Kampung Selendang Kanan dan Teluk Bharu yang mula dipindahkan sejak kelmarin.

Pegawai Daerah Bagan Datoh, Datuk Hamzah Hussin berkata, beberapa kawasan lain seperti di Kampung Teluk Buluh, Kampung Bagan Sungai Tiang, Kampung Teboh Imam di Selekoh dan Parit

25 Baruh, Hutan Melintang juga dinaiki air, namun tiada penduduk dipindahkan kerana air telah surut.

Katanya, air pasang besar melimpah ke kawasan terlibat akibat ban atau penahan ombak yang rosak dan pecah terutama di Kampung Teboh Imam dan Teluk Selendang.



**KEADAAN** pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan Tapak Semenang yang menempatkan 17 orang penduduk daripada lima buah keluarga dekat Teluk Intan, Perak.